

Perkaitan antara Sikap dan Tindakan Guru-Guru Sekolah terhadap Penganiayaan Kanak-Kanak

(Relationships between Attitudes and Courses of Action of School Teachers towards Child Maltreatment)

CHAN CHEONG CHONG

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia
E-mel: ccchan@uum.edu.my

ABDULL SUKOR SHAARI

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Sikap yang tepat dan tindakan yang betul adalah dua faktor utama dalam proses pencegahan mahupun pembelaan ke atas kes penganiayaan kanak-kanak. Guru sekolah adalah antara orang dewasa yang paling penting kepada kanak-kanak. Oleh itu kajian ini meneroka perkaitan di antara sikap dan tindakan guru sekolah terhadap isu penganiayaan kanak-kanak. Seramai 255 guru sekolah telah dikaji menerusi penggunaan soal-selidik “Educator and Child Abuse Questionnaire”. Hasil kajian menunjukkan majoriti (63%) guru sekolah memiliki sikap yang sederhana/tidak pasti dalam isu penganiayaan kanak-kanak. Kesemua guru memilih untuk mengambil sekurang-kurangnya satu tindakan, tindakan yang rasional, apabila berdepan dengan kes yang disyaki berlakunya penganiayaan. Namun, ujian Khi-Kuasa Dua menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan tindakan guru. Sikap positif yang dimiliki oleh seseorang guru tidak semestinya menjanjikan tindakan yang paling tepat. Oleh itu, tindakan individu lebih didorong oleh keunikan sesuatu kes dan juga kebolehcapaian maklumat berkenaan kes tersebut.

Kata kunci: *Penganiayaan kanak-kanak, guru sekolah, sikap, tindakan.*

Abstract

Correct attitudes and substantive courses of action are two primary factors in the process of preventing or advocating for child maltreatment cases. School

teachers are among significant adults to children. Hence this study explores the relationships between attitudes and courses of actions of school teachers towards issues of child maltreatment. Two-hundred and fifty five teachers participated in this study by responding to the “Educator and Child Abuse Questionnaire”. The findings show that most of the teachers (63%) displayed uncertain attitudes regarding the issues of maltreatment. All of the teachers chose to take at least one action, rational action, when facing suspected maltreatment cases. However, Chi-Square analyses show that there are no significant relationships between teachers’ attitudes and their courses of action. Having positive attitudes does not warrant a correct course of action. As a result, an individual’s course of action is mostly affected by the uniqueness of the case and the availability of substantive information of the case.

Keywords: *child maltreatment, school teachers, attitudes, courses of action.*

Pengenalan

Penganiayaan kanak-kanak kini merupakan satu isu penting dalam sektor pendidikan. Guru-guru sekolah tidak boleh lagi mengasingkan diri mereka daripada mangsa penganiayaan yang berkemungkinan adalah anak murid mereka. Guru-guru sekolah tidak dibebankan dengan pengendalian kes penganiayaan sepertimana yang dilakukan oleh pekerja sosial, namun mereka adalah individu yang paling rapat dengan kanak-kanak selain daripada kedua ibubapa kanak-kanak. Mereka boleh memainkan peranan yang amat penting dari segi pencegahan mahupun pembelaan untuk anak muridnya (Egu & Weiss, 2003). Sikap yang tepat dan tindakan yang betul amat diperlukan kepada guru-guru sekolah sekiranya mereka diharapkan untuk memainkan kedua-dua peranan tersebut.

Kajian di Singapura menunjukkan 24% guru pendidikan khas dan 34% guru tadika menafikan bahawa penderaan seksual adalah satu masalah (Briggs & Potter, 2004). Ini mungkin disebabkan majoriti guru tidak mendapat latihan yang secukupnya mengenai penganiayaan kanak-kanak (Kenny, 2001). Kepercayaan bahawa kanak-kanak perlu diberi hukuman fizikal mengikut sesetengah budaya seperti masyarakat Cina misalnya sedikit sebanyak menyulitkan lagi pemahaman guru tentang penganiayaan (Anisah Che Ngah, 2002). Kekeliruan tentang konsep dan simptom yang disifatkan sebagai penderaan dan pengabaian menyebabkan guru tidak melaporkan kes yang disyaki penganiayaan (Kesner & Robinson, 2002; Hinson, 2000). Adalah menjadi penerimaan umum bahawa pengenalanpastian penganiayaan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh konteks budaya yang diamalkan (Briggs & Potter, 2004).

Dwyer, Nicholson, Battistutta dan Oldenburg (2005) telah melakukan kajian mengenai ketepatan penilaian guru tentang sama ada wujud keadaan risiko dalam kalangan pelajar masing-masing. Kajian mendapati ketepatan penilaian guru adalah agak tinggi dan padan dengan penilaian yang dibuat oleh ibu bapa kandung pelajar itu sendiri. Penilaian yang paling tepat adalah mengenai aspek “pemantauan dan penyeliaan yang lemah ke atas kanak-kanak”. Amat jelas, guru mampu memainkan peranan yang cukup penting dalam mengesan sama ada wujudnya keadaan penganiayaan dalam kalangan para pelajar masing-masing.

Hinson dan Fossey (2000) telah membuat kajian ke atas 56 guru di Louisiana. Kajian mereka mendapati 52% guru pernah mengesyaki satu atau lebih daripada pelajarnya yang menjadi mangsa penganiayaan dalam tempoh tahun persekolahan yang lepas. Tujuh puluh lima peratus mengatakan pernah menyaksikan sebanyak 107 kes penganiayaan kanak-kanak dalam tempoh 3 tahun yang lalu. Enam puluh peratus guru melaporkan pelajar mereka telah mengalami pengabaian daripada ibubapa dan penjaga mereka. Namun, kajian Kenny (2001) mendapati 46% guru sangat setuju jika mereka tidak diwajibkan sebagai pelapor kes penganiayaan kanak-kanak. Secara tidak langsung, tugas guru di sekolah seolah-olah hanya tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja.

Kajian Kenny (2001) ke atas 197 guru di Amerika Syarikat mendapati 73% guru sekolah tidak pernah membuat sebarang laporan penganiayaan kanak-kanak sepanjang tempoh perkhidmatan. 11% guru dikatakan tidak membuat laporan walaupun masing-masing pernah percaya berlakunya sesuatu kes penganiayaan kanak-kanak. Secara umum, mereka yang mempunyai pengalaman mengajar selama 10 tahun, hanya sekadar membuat satu laporan kes penganiayaan kanak-kanak sahaja.

Isu lapor atau tidak lapor ini didapati berkait rapat dengan jantina dan bilangan tahun pengalaman dalam pendidikan. Kajian Kenny (2001) turut mendapati guru perempuan adalah 6.1 kali ganda lebih cenderung membuat laporan berbanding guru lelaki. Individu yang mempunyai tempoh pengalaman pengajaran lima tahun juga adalah 1 hingga 4 kali lebih cenderung membuat laporan berbanding mereka yang kurang pengalaman pengajaran. Jantina dan pengalaman guru itu jelas amat berkaitan dengan sikap mereka terhadap penganiayaan kanak-kanak. Latar belakang kanak-kanak didapati tidak mempengaruhi sikap guru. Dapatan kajian Egu dan Weiss (2003) turut menunjukkan penilaian guru sama ada seseorang kanak-kanak itu didera atau perlu dibuat laporan adalah tidak dipengaruhi oleh bangsa kanak-kanak berkenaan.

Apabila membandingkan guru dengan profesion lain, secara relatifnya guru adalah lebih pasif dalam isu penganiayaan kanak-kanak.

Kesner dan Robinson (2002) telah melakukan kajian tentang gelagat melapor kes penganiayaan kanak-kanak dalam kalangan sektor pendidikan(guru), perundangan(peguam/penasihat perundangan), perubatan (doktor/jururawat) dan khidmat sosial (pekerja sosial/kaunselor). Didapati golongan guru kurang melaporkan kes penderaan seksual berbanding dengan golongan di sektor khidmat sosial. Mereka juga kurang melaporkan kes penderaan emosi berbanding dengan golongan di sektor perubatan dan kurang melaporkan kes pengabaian kesihatan berbanding dengan golongan di sektor perundangan. Secara keseluruhan, guru lebih cenderung melapor banyak kes penderaan fizikal, tetapi kurang melaporkan kes pengabaian berbanding dengan golongan di sektor perundangan, perubatan dan khidmat sosial. Ini mungkin disebabkan pandangan bahawa tugas utama guru adalah mengajar dan bukannya mengesan kejadian penganiayaan kanak-kanak. Maka adalah dijangka mereka mungkin kurang dilengkapi dengan maklumat tentang penganiayaan yang sering kali menimbulkan kekeliruan (Kesner & Robinson, 2002).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, sikap dan tindakan guru terhadap penganiayaan kanak-kanak adalah di tahap yang kurang memberangsangkan. Maka adalah wajar untuk meninjau sikap dan tindakan guru dalam konteks Malaysia. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti sikap guru terhadap isu penganiayaan kanak-kanak.
2. Mengenal pasti tindakan yang akan diambil oleh guru apabila berdepan dengan kes penganiayaan kanak-kanak.
3. Mengenal pasti perkaitan di antara sikap dengan tindakan guru terhadap penganiayaan kanak-kanak.

Metodologi

Artikel ini melaporkan dapatan kajian yang diperolehi menerusi penggunaan soal-selidik *Educators and Child Abuse Questionnaire* yang dibentuk oleh Kenny (2000). Hanya bahagian D dan E dalam soal-selidik tersebut yang dilaporkan. Dapatan kajian untuk Bahagian A, B dan C telah pun diterbitkan dalam artikel yang berasingan dalam Jurnal Pembangunan Sosial (Chan Cheong Chong & Abdull Sukor Shaari, 2014). Kajian ini melibatkan 255 guru sekolah yang sedang melanjutkan pengajian melalui Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) di Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia pada semester pertama, sesi 2007/2008. Maklumat lanjut mengenai kajian berkaitan guru-guru ini boleh dirujuk kepada Chan Cheong Chong dan Abdull Sukor Shaari (2014).

Bahagian D adalah satu siri item yang mengukur sikap guru mengenai isu penganiayaan kanak-kanak. Sebanyak 12 item yang digunakan untuk tujuan itu (Kenny, 2000). Dalam kalangan 12 item itu, item nombor 1, 2, 8 dan

12 adalah item negatif. Jawapan untuk bahagian D adalah dalam bentuk skala *likert* lima tahap. Jumlah skor maksimum adalah 60, manakala skor minimum adalah 12. Tafsiran skor adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Tahap Sikap mengenai Isu Penganiayaan Kanak-Kanak (Asal)

Julat Skor	Tafsiran
12 – 24	Sikap yang kurang tepat dan negatif
25 – 47	Sikap yang sederhana/tidak pasti
48 - 60	Sikap yang tepat dan positif

Ujian kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas 12 item dalam bahagian D. Ini dilakukan dalam kajian rintis pertama yang melibatkan 39 guru yang mengikut pengajian PKPG di Pulau Pinang pada bulan Oktober 2006. Walaupun item-item negatif iaitu 1, 2, 8 dan 12 dikod semula ke arah yang sehalu dengan item-item lain, nilai alpha yang diperolehi adalah 0.310, satu nilai yang agak rendah. Kajian rintis jelas menunjukkan ada kekurangan tentang instrumen Kenny (2000) dalam konteks tempatan. Berdasarkan penilaian kami, kami mendapati ada beberapa yang item dalam bahagian D adalah agak kontroversial apabila dibincangkan dalam konteks tempatan. Item-item tersebut adalah seperti yang tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2

Item-Item Yang Bermasalah

Item	Kandungan	Masalah
1	Semua ibu bapa mempunyai hak untuk mendisplinkan anak-anak mereka dengan apa cara sekali pun yang dirasakan sesuai.	Menjadi isu dalam budaya timur
3	Saya sedar akan tatacara membuat laporan penganiayaan kanak-kanak di sekolah saya.	Nilai alpha rendah
6	Penganiayaan kanak-kanak adalah masalah yang serius di sekolah saya.	Bercanggahan dengan imej sekolah
8	Sekiranya saya membuat laporan penganiayaan kanak-kanak dan kes ini tidak dapat dibuktikan, maka pihak keluarga kanak-kanak boleh mendakwa saya.	Nilai alpha rendah
12	Guru patut dibenarkan menggunakan hukuman fizikal ke atas murid-muridnya.	Menjadi isu dalam budaya timur

Intrumen Kenny (2000) telah diubahsuai berlandaskan dapatan analisis kajian rintis pertama. Misalnya dalam bahagian D, item 1, 3, 6, 8 dan 12 telah dikeluarkan. Ini bermakna hanya tinggal tujuh item sahaja dalam bahagian D. Jumlah skor maksimum yang baru adalah 35, manakala skor minimum adalah 7. Tafsiran skor adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tahap Sikap mengenai Isu Penganiayaan Kanak-Kanak (Baru)

Julat Skor	Tafsiran
7 – 14	Sikap yang kurang tepat dan negatif
15 – 27	Sikap yang sederhana/tidak pasti
28 – 35	Sikap yang tepat dan positif

Selepas itu, kajian rintis kali kedua telah dijalankan pada Januari 2007 ke atas 30 guru PKBG di UUM. Analisis ujian kebolehppercayaan untuk bahagian D telah mencatatkan nilai Alpha 0.762.

Bahagian terakhir iaitu bahagian E memaparkan dua senario kes. Guru diminta memilih tindakan yang dirasakan sesuai berhubung dengan kes tersebut. Selain itu, guru juga perlu menjelaskan sebab ke atas pemilihan yang telah dilakukan.

Bagi memudahkan analisis ujian Khi Kuasa Dua, tindakan guru terhadap dua senario kes telah dikod semula kepada tiga kategori tindakan utama dalam Jadual 4.

Jadual 4

Pengkodan Semula Jenis-Jenis Tindakan Guru

Jenis Tindakan	Kategori Tindakan
Melaporkan kepada pihak yang berkuasa.	Membuat Laporan Rasmi
Melaporkan kepada pihak pentadbiran sekolah.	
Menangguh keputusan dengan merujuk kepada Guru Besar atau kaunselor dan seumpamanya.	Tangguh, Semak dan Bincang

(sambungan)

Jenis Tindakan	Kategori Tindakan
Tunggu untuk memperoleh bukti yang mudah difahami, jelas dan menyakinkan berkenaan penganiayaan tersebut.	
Berbincang dengan ibu bapa atau bapa tiri berkenaan / guru berkenaan.	
Tidak melapor dan tidak mengambil sebarang tindakan.	Tiada Tindakan

Dapatan Kajian

Bahagian ini akan dilaporkan di bawah tiga sub-topik yang berasingan iaitu sikap terhadap penganiayaan kanak-kanak, tindakan ke atas kes penganiayaan kanak-kanak dan hubungan di antara sikap dan tindakan guru.

Sikap Terhadap Penganiayaan Kanak-Kanak

Sikap guru terhadap penganiayaan kanak-kanak adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Dalam soalan kewajipan melapor, 20% guru menganggap mereka tidak patut diwajibkan dalam isu melaporan kes penganiayaan kanak-kanak. Manakala apabila ditanya tentang penderaan seksual, lebih separuh daripada guru menyatakan tidak pasti tentangnya dan kira-kira 10% menyuarakan tidak faham akan isu itu.

Jadual 5

Sikap Terhadap Penganiayaan Kanak-Kanak

Bil. Item	N	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Pasti (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)	Min
1. Guru tidak harus diwajibkan oleh perundangan untuk melaporan kes penganiayaan kanak-kanak.	255	72 (28.2%)	104 (40.8%)	28 (11.0%)	42 (16.5%)	9 (3.5%)	2.26

(sambungan)

Bil. Item	N	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Pasti (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)	Min
2. Saya rasa pihak pengurusan (sekolah) akan menyokong saya jika saya melaporkan kes penganiayaan kanak-kanak.	254	6 (2.4%)	20 (7.9%)	50 (19.7%)	140 (55.1%)	38 (15.0%)	3.72
3. Penganiayaan kanak-kanak adalah masalah yang serius dalam masyarakat kita.	253	4 (1.6%)	17 (6.7%)	14 (5.5%)	128 (50.6%)	90 (35.6%)	4.12
4. Sebagai pendidik, saya mempunyai tanggungjawab perundangan untuk melaporkan kes penganiayaan kanak-kanak di Malaysia.	254	6 (2.4%)	6 (2.4%)	16 (6.3%)	169 (66.5%)	57 (22.4%)	4.04
5. Saya menyedari akan tanda-tanda pengabaian kanak-kanak.	255	2 (0.8%)	6 (2.4%)	58 (22.7%)	177 (69.4%)	12 (4.7%)	3.75
6. Saya menyedari akan tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak.	254	2 (0.8%)	26 (10.2%)	135 (53.1%)	85 (33.5%)	6 (2.4%)	3.26
7. Saya menyedari akan tanda-tanda penderaan fizikal kanak-kanak.	255	2 (0.8%)	4 (1.6%)	54 (21.2%)	169 (66.3%)	26 (10.2%)	3.84

Secara keseluruhan, apabila dicampurkan kesemua tujuh item tersebut (untuk mencampurkan ketujuh-tujuh item, item 1 telah dikod semula), majoriti guru mempunyai tahap sikap terhadap penganiayaan kanak-kanak yang sederhana/tidak pasti. Hanya 36.4% yang berada di tahap yang tepat dan positif (Sila rujuk Jadual 6). Khi-kuasa dua bagi ujian kebagusan (*Test of Goodness of Fit*) menunjukkan X^2 (1, N= 250)= 18.496, $p < .01$. Ini menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dari segi frekuensi sikap guru terhadap penganiayaan kanak-kanak.

Jadual 6

Tahap Sikap Terhadap Penganiayaan Kanak-Kanak

	Bilangan	Peratusan
Sederhana/Tidak Pasti (15-27)	159	63.6
Tepat dan Positif (28-35)	91	36.4
Jumlah	250	100.0

Tindakan Ke Atas Kes Penganiayaan Kanak-Kanak

Dalam senario kes yang pertama, para guru ditanya mengenai salah seorang pelajarnya yang mengadu bahagian sulitnya telah disentuh oleh bapa tirinya. Dapatan kajian menunjukkan kesemua guru telah memilih untuk mengambil tindakan dan tidak berdiam diri. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 7.

Ramai guru iaitu sebanyak 42.7% memilih untuk menengguhkan sebarang keputusan dengan merujuk perkara itu kepada guru besar mahupun guru kaunselor. Tindakan ini agak wajar memandangkan para guru kurang yakin akan jenis tindakan yang perlu diambil. Tindakan ini juga setidak-tidaknya dapat meminimumkan kesilapan guru dalam pengendalian kes seumpama itu. Ramai juga guru iaitu 30.6% bertindak proaktif dengan membuat laporan kepada pihak pentadbiran sekolah iaitu menjadikan kes itu sebagai kes rasmi kepada pihak yang menguruskan sekolah sama ada guru besar, lembaga pengarah mahupun jabatan pendidikan tempatan. Amat sedikit guru yang akan bertindak melaporkan kes ini terus kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun polis.

Sejumlah kecil iaitu 17.3% guru pula agak pasif dengan bertindak menunggu sehingga menemui bukti yang lebih jelas. Tindakan ini sememangnya agak kurang membantu kanak-kanak berkenaan seandainya penganiayaan kanak-kanak benar-benar terjadi. Amat kurangnya guru yang memilih untuk berbincang secara langsung dengan kedua ibubapa kanak-kanak tersebut.

Jadual 7

Tindakan ke atas Senario Kes Pertama

Seorang pelajar perempuan anda memberitahu anda bahawa bapa tirinya menyentuh bahagian kemaluannya.	Bilangan	Peratusan
Melaporkan kepada pihak berkuasa	9	3.5
Melaporkan kepada pihak pentadbiran sekolah	78	30.6

(sambungan)

Seorang pelajar perempuan anda memberitahu anda bahawa bapa tirinya menyentuh bahagian kemaluannya.	Bilangan	Peratusan
Menangguh keputusan dengan rujuk kepada Guru Besar/kaunselor/dan lain-lain	109	42.7
Tunggu bukti yang mudah difahami, jelas dan menakutkan	44	17.3
Bincang dengan ibu bapa atau bapa tiri tersebut	10	3.9
Mengambil DUA(2) tindakan dan ke atas	5	2.0
Jumlah	255	100.0

Dalam senario kes yang kedua, seorang pelajar perempuan mengadu telah disentuh oleh seorang guru di bahagian sulitnya. Kes kedua ini beralih kepada guru sebagai pendera seksual yang mana ini akan lebih menyulitkan lagi pemilihan tindakan para guru (responden) untuk membantu kanak-kanak tersebut. Jadual 8 menunjukkan 37.4% guru bertindak melaporkan perkara ini kepada pihak pentadbiran sekolah. Ini diikuti dengan pilihan menangguhkan keputusan dengan merujuk kepada guru besar mahupun guru kaunselor.

Sejumlah kecil guru iaitu 19.3% orang lebih memilih untuk menunggu perolehan bukti yang lebih kukuh dan jelas. Manakala 7.5% guru pula mengambil inisiatif untuk berbincang dengan guru yang disyaki terlibat. Hanya sekadar 2.4% guru yang berani melaporkan kes ini terus kepada pihak berkuasa.

Jadual 8

Tindakan ke atas Senario Kes Kedua

Seorang pelajar perempuan anda memberitahu anda seorang guru menyentuh bahagian kemaluannya.	Bilangan	Peratusan
Melaporkan kepada pihak berkuasa	6	2.4
Melaporkan kepada pihak pentadbiran sekolah	95	37.4
Menangguh keputusan dengan rujuk kepada Guru Besar/kaunselor/dan lain-lain	81	31.9
Tunggu bukti yang mudah difahami, jelas dan menakutkan	49	19.3
Bincang dengan guru berkenaan	19	7.5
Mengambil DUA(2) tindakan dan ke atas	4	1.6
Jumlah	254	100.0

Jadual 9 menunjukkan tindakan yang diambil untuk kes pertama dan kes kedua adalah hampir sama. Kebanyakan mereka yang membuat laporan rasmi dalam kes pertama akan mengekalkan tindakan itu dalam kes kedua. Mereka yang memilih tangguh, semak dan bincang dalam kes pertama juga

akan konsisten dengan pilihan itu dalam kes kedua. Ini jelas apabila khi-kuasa dua bagi ujian kebebasan (*Test of independence*) menunjukkan $X^2(1, N=249)=85.755, p < .01$. Ini bermakna ada kaitan yang signifikan di antara tindakan kes pertama dengan tindakan kes kedua.

Jadual 9

Hubungan di antara Tindakan Kes Pertama dan Tindakan Kes Kedua

Kategori Tindakan Kes Pertama	Kategori Tindakan Kes Kedua	
	Membuat Laporan Rasmi	Tangguh, Semak dan Bincang
Membuat Laporan Rasmi	69 (68.3%)	17 (11.5%)
Tangguh, Semak dan Bincang	32 (31.7%)	131 (88.5%)
Jumlah	101 (100.0%)	148 (100.0%)

$X^2(1, N=249)=85.755, p < .01$

Hubungan Di Antara Sikap Dan Tindakan Guru

Khi-Kuasa Dua bagi ujian kebebasan digunakan untuk melihat perkaitan di antara sikap dan tindakan guru. Jadual 10 menunjukkan tidak ada kaitan signifikan di antara tindakan kes pertama dengan tahap sikap guru di mana $X^2(1, N=245)=0.260, p > .05$.

Jadual 10

Tindakan Kes Pertama Guru Berdasarkan Tahap Sikap

Tahap Sikap	Kategori Tindakan Kes Pertama	
	Membuat Laporan Rasmi	Tangguh, Semak dan Bincang
Sikap yang sederhana/tidak pasti (15-27)	53 (62.4%)	105 (65.6%)
Sikap yang tepat dan positif (28-35)	32 (37.6%)	55 (34.4%)
Jumlah	85 (100.0%)	160 (100.0%)

$X^2(1, N=245)=0.260, p > .05$

Jadual 11 juga menunjukkan hasil yang sama di mana nilai $X^2(1, N=245)=0.760, p > .05$. Ini juga bermakna tidak ada kaitan yang signifikan di antara tindakan kes kedua dengan tahap sikap guru dalam isu penganiayaan kanak-kanak.

Jadual 11

Tindakan Kes Kedua Guru Berdasarkan Tahap Sikap

Tahap Sikap	Kategori Tindakan Kes Kedua	
	Membuat Laporan Rasmi	Tangguh, Semak dan Bincang
Sikap yang sederhana/tidak pasti (15-27)	60 (61.2%)	98 (66.7%)
Sikap yang tepat dan positif (28-35)	38 (38.8%)	49 (33.3%)
Jumlah	98 (100.0%)	147 (100.0%)

$$X^2(1, N=245)=0.760, p > .05$$

Perbincangan

Majoriti guru memiliki sikap yang sederhana mengenai isu penganiayaan kanak-kanak. Namun majoriti guru (64.1%) tidak pasti atau tidak faham akan tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak. Malah, ada sebahagian guru (20%) pula menganggap perundangan tidak seharusnya mewajibkan guru untuk membuat laporan penganiayaan kanak-kanak.

Dapatan kajian ini seakan sama dengan hasil kajian Kenny (2001) serta Kesner dan Robinson (2002). Secara umum, sikap guru mengenai isu penganiayaan kanak-kanak masih mempunyai ruang yang boleh diperkukuhkan. Kajian ini mendapati dua kelemahan ketara dalam kalangan guru sekolah adalah isu penderaan seksual dan kewajipan melapor. Dua elemen tersebut amat mempengaruhi perjalanan sesuatu kes penganiayaan kanak-kanak. Kegagalan sikap guru terhadap dua elemen itu juga boleh menjejaskan aspek keselamatan kanak-kanak yang memerlukan pertolongan.

Tindakan-tindakan guru dalam kedua-dua kes tersebut adalah agak konsisten. Tidak ada unsur diskriminasi ke atas pendera yang disyaki sama ada bapa tiri mahupun rakan setugas mereka. Kebanyakan guru (kira-kira 60%) cenderung tangguh, semak dan bincang apabila berdepan dengan kes penganiayaan kanak-kanak. Tindakan ini mungkin wajar untuk mengelak sebarang kesilapan yang boleh merosakkan hubungan siraturahim sesama manusia. Namun, ini juga menunjukkan membuat laporan rasmi adalah tindakan yang sangat sukar diambil. Laporan McCallum (2000, April) ada menjelaskan sungguhpun pelbagai jenis latihan dibekalkan kepada guru, namun apabila berada dalam keadaan realiti, perkara seperti struktur melapor di sekolah boleh menjadi penghalang kepada guru untuk membuat laporan.

Ujian-ujian Khi Kuasa Dua tidak menunjukkan sebarang perkaitan signifikan di antara tindakan-tindakan dengan sikap guru. Sikap yang tepat

dan positif tidak semestinya membawa kepada tindakan membuat laporan rasmi dan begitu sebaliknya. Kemungkinan ini adalah disebabkan senario kes yang digunakan dan pilihan jawapan yang disediakan untuk para guru adalah terlalu umum yang mana tidak memerlukan pengetahuan yang khusus dalam perlindungan kanak-kanak. Tambahan pula, kedua-dua kes tersebut adalah kes penderaan seksual sahaja. Maka, ia masih tidak cukup dapat mencerminkan keadaan sebenar tindakan-tindakan yang bakal diambil oleh guru apabila berdepan dengan kejadian penganiayaan kanak-kanak.

Penutup

Kebanyakan sikap guru terhadap penganiayaan kanak-kanak berada di tahap yang sederhana dan ramai yang mengambil tindakan yang rasional apabila berdepan dengan kes penganiayaan. Tiada guru yang langsung tidak mengambil sebarang tindakan. Namun, kajian mendapati tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara sikap dan tindakan. Sikap guru mengenai isu penganiayaan tidak semestinya membawa kepada tindakan yang agresif seperti membuat laporan rasmi. Membuat laporan rasmi tidak semestinya satu tindakan yang paling wajar dan terbaik untuk kanak-kanak dan keluarganya. Tindakan yang tepat amat bergantung kepada keunikan sesuatu kes dan persekitarannya. Senario-senario kes yang digunakan dalam kajian ini agak ringkas dan maklumat yang diberi adalah terbatas. Maka, pengukuran tentang tindakan guru sekolah perlu diperbaiki agak ia lebih sepadan untuk dibandingkan dengan sikap guru mengenai penganiayaan kanak-kanak.

Rujukan

- Anisah Che Ngah (2002). *Penganiayaan kanak-kanak: Satu kajian sosioperundangan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Briggs, F., & Potter, G. K. (2004). Singaporean early childhood teachers' responses to myths about child abuse. *Early Child Development and Care*, 174(4), 339-355.
- Chan Cheong Chong & Abdull Sukor Shaari (2014). Penganiayaan kanak-kanak: Pengalaman melapor dan tahap latihan yang diterima dalam kalangan guru-guru sekolah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 17, 39-51.
- Dwyer, S. B., Nicholson, J. M., Battistutta, D., & Oldenburg, B. (2005). Teachers' knowledge of children's exposure to family risk factors: Accuracy and usefulness. *Journal of School Psychology*, 43, 23-38.
- Egu, C. L., & Weiss, D. J. (2003). The role of race and severity of abuse in teachers' recognition or reporting of child abuse. *Journal of Child and Family Studies*, 12(4), 465-474.

- Hinson, J., & Fossey, R. (2000). Child abuse: What teachers in the '90s know, think, and do. *Journal of Education for Students Placed At Risk*, 5(3), 251-266.
- Kenny, M. C. (2000). *Educators and Child Abuse Questionnaire*.
- Kenny, M.C. (2001). Child abuse reporting: Teachers' perceived deterrents. *Child Abuse & Neglect*, 25(1), 81-92.
- Kesner, J. E., & Robinson, M. (2002). Teachers as mandated reporters of child maltreatment: Comparison with legal, medical, and social services reporters. *Children & Schools*, 24(4), 222-231.
- McCallum, F (2000, April). *Cross-cultural perspectives on educators' reporting practices of maltreatment: An Australian study*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, L.A.